PERUTUSAN GABENOR

Kestabilan kewangan sistem kewangan Malaysia terus kekal pada tahun 2010. Ini lantas membolehkan sektor kewangan menyediakan sokongan yang penting kepada ekonomi, meskipun keadaan adalah mencabar berikutan perkembangan global yang berlaku sepanjang tahun itu. Sektor kewangan disokong oleh asas-asas yang kukuh, termasuk penampan kewangan yang teguh, kualiti aset yang tinggi, dan pengurusan risiko yang mantap. Kemantapan sektor kewangan bukan sahaja menyumbang kepada fungsi proses pengantaraan kewangan yang cekap, malah ia juga memastikan tindak balas yang teratur kepada kejutan terhadap sistem kewangan. Keadaan pasaran kewangan serta sistem pembayaran dan penyelesaian juga kekal teratur dan cekap, lantas membantu peningkatan dalam aktiviti perdagangan luar dan ekonomi dalam negeri.

Dengan berkuat kuasanya Akta Bank Negara Malaysia 2009, Bank Negara Malaysia telah pada tahun 2010 mengukuhkan lagi pengaturan tadbir urus dan kebertanggungjawaban dalam pengurusan kestabilan kewangan. Pada peringkat Bank, Jawatankuasa Dasar Kestabilan Kewangan yang diwujudkan sejak tahun 2004, memikul tanggungjawab untuk mempertimbangkan risiko terhadap kestabilan kewangan dan merumuskan tindak balas dasar untuk menguruskan risiko tersebut. Menyedari hubungan yang wujud antara kestabilan kewangan dengan kestabilan monetari, mesyuarat bersama oleh Jawatankuasa Dasar Kestabilan Kewangan dan Jawatankuasa Dasar Monetari diwujudkan pada tahun 2010 untuk menyediakan forum bagi mempertimbangkan langkah kehematan makro yang berkesan untuk melindungi kestabilan kewangan dan makroekonomi. Mengikut Akta Bank Negara Malaysia, Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan yang telah pun beroperasi, mempunyai mandat untuk meluluskan saranan oleh Bank untuk mengambil langkah-langkah bagi menghindari risiko terhadap kestabilan kewangan yang berkaitan dengan entiti yang tidak dikawal selia oleh Bank, atau untuk merumuskan penyelesaian institusi kewangan yang penting dari segi sistemik.

Aktiviti penyeliaan pada tahun 2010 terus tertumpu pada usaha mempertingkat keupayaan institusi kewangan untuk menjangka dan bertindak berikutan risiko yang timbul, dan memastikan bahawa risiko yang dikenal pasti terhadap institusi secara individu dan sistem kewangan secara keseluruhan boleh diuruskan dengan baik. Tumpuan yang khusus diberikan terhadap usaha menggalakkan tadbir urus yang berkesan, ujian tekanan dan proses pengurusan modal yang lebih kukuh untuk memastikan institusi kewangan terus berdaya tahan di bawah pelbagai senario ekonomi dan kewangan. Ini telah dilengkapkan oleh penilaian piawaian kehematan yang berterusan yang mengambil kira perkembangan global dan juga dalam negeri. Bank juga telah memperkukuh pengawasannya berkaitan dengan aktiviti bukan bank yang semakin meningkat untuk memastikan bahawa risiko yang mungkin timbul terhadap kestabilan kewangan dapat diuruskan pada peringkat awal.

Meskipun keberhutangan isi rumah telah meningkat dalam tahun-tahun kebelakangan ini, namun ia terus disokong oleh penampan kewangan yang kukuh pada peringkat agregat. Pertumbuhan pendapatan, kadar tabungan yang tinggi dan keadaan guna tenaga yang menggalakkan telah meningkatkan keupayaan khidmat bayar balik hutang oleh isi rumah. Untuk memastikan hal ini tidak menjadi penyebab kepada ketidakstabilan kewangan, siri dasar yang menyeluruh telah diperkenalkan pada tahun 2010. Ini termasuklah dasar kehematan yang digunakan dalam sektor harta kediaman, langkah baharu untuk kad kredit dan keperluan yang diperkukuh terhadap bank bagi melaksanakan amalan pemberian pinjaman yang berhemat dan bertanggungjawab. Langkah ini diperkukuh oleh pengawasan penyeliaan institusi kewangan yang lebih intensif dalam konteks pengurusan portfolio pemberian pinjaman isi rumah. Program pendidikan kewangan yang lebih terfokus serta penyediaan khidmat nasihat dan sokongan turut menggalakkan amalan peminjaman yang bertanggungjawab oleh isi rumah. Langkah pencegahan awal dan holistik ini juga bertujuan menjadikan sektor isi rumah lebih berdaya tahan.

Prestasi keseluruhan industri insurans adalah positif, walaupun keadaan kekal mencabar di bawah persekitaran kadar faedah yang rendah, kos tuntutan yang meningkat dan pasaran kewangan yang semakin tidak menentu. Secara keseluruhannya, industri ini adalah lebih berdaya tahan terhadap kesemua cabaran tersebut memandangkan kedudukan modalnya yang kukuh dan usaha yang ditumpukan ke arah menggalakkan penambahbaikan seterusnya dalam pengurusan modal dan risiko. Sambil Malaysia melangkah ke hadapan untuk beralih kepada ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi, potensi pasaran bagi industri insurans dan takaful akan meningkat. Justeru itu, keutamaan penting terletak pada peningkatan keupayaan industri tersebut untuk menyokong permintaan baharu dan lebih besar bagi produk insurans dan takaful. Sebagai sebahagian daripada perubahan ini, pengukuhan dan rasionalisasi seterusnya dalam sektor insurans am akan terus digalakkan, manakala isu struktur yang lebih meluas dalam segmen insurans motor akan ditangani dengan pelaksanaan rangka kerja insurans motor baharu.

Dalam kewangan Islam, asas kestabilan kewangan juga telah diperkukuh lagi dengan pelaksanaan piawaian berhemat yang dikeluarkan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB) bagi perbankan Islam dan sektor takaful. Pada peringkat antarabangsa, asas-asas yang diperlukan sebagaimana yang disarankan oleh Laporan Kewangan Islam dan Kestabilan Kewangan Global telah menggariskan keutamaan penting dalam agenda untuk menggalakkan kestabilan sistem kewangan Islam global. Antara pengaturan institusi global yang penting untuk menyokong keutamaan ini adalah penubuhan Forum Kestabilan Kewangan Islam bagi mempertimbangkan risiko terhadap kestabilan kewangan dan Perbadanan Likuiditi Islam Antarabangsa (International Islamic Liquidity Management Corporation, IILM) yang memulakan operasi awal tahun ini untuk membantu pengurusan mudah tunai merentas sempadan.

Sistem kewangan yang lebih pelbagai dan maju yang telah berkembang sepanjang beberapa dekad yang lalu menyediakan asas yang kukuh bagi kestabilan kewangan dengan institusi perbankan dalam negeri yang kukuh. Melangkah ke hadapan, tumpuan adalah untuk mengukuhkan asas-asas ini bagi menyokong daya tahan berterusannya untuk menghadapi kemungkinan berlakunya kejutan atau

gangguan dalam sistem kewangan dan ekonomi. Pembangunan sistem kewangan selanjutnya juga meletakkan sektor kewangan dalam kedudukan yang menyokong transformasi ekonomi Malaysia kepada ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi secara berkesan selain menggalakkan lagi kerangkuman kewangan dan integrasi kewangan serantau. Pelan induk sektor kewangan baharu yang akan dikeluarkan oleh Bank tahun ini akan menggariskan strategi bagi mencapai objektif-objektif ini.

Operasi sistem kewangan terus disokong dengan baik oleh infrastruktur sistem pembayaran dan penyelesaian. Dengan sistem kewangan yang semakin canggih dan peningkatan dalam perdagangan dan aliran kewangan merentas sempadan, infrastruktur ini terus dimodenkan. Antara lain, satu tumpuan penting adalah usaha serantau untuk mewujudkan suatu platform bersama bagi infrastruktur pemprosesan pascadagangan Asia. Ini akan menjadikan sistem penyelesaian kasar masa nyata Malaysia, iaitu RENTAS, lebih bersepadu dengan sistem penjelasan dan penyelesaian antarabangsa seperti Euroclear, dan juga depositori sekuriti global seperti Depositori Sekuriti Pusat Antarabangsa. Di dalam negara, migrasi kepada e-pembayaran terus mencapai kemajuan, disokong oleh kerjasama yang lebih rapat antara Kerajaan, Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia dan peserta industri perkhidmatan kewangan.

Pengembangan sektor kewangan Malaysia dalam beberapa dekad yang lalu telah menyaksikan institusi kewangan negara memperluas operasi ke luar negeri, khususnya ke rantau Asia. Ia juga menyaksikan kemasukan peserta asing baharu dalam sektor kewangan konvensional dan kewangan Islam Malaysia. Kemasukan peserta asing baharu ini bukan sahaja akan meningkatkan keupayaan sektor kewangan dalam negeri untuk menyokong pembangunan industri pertumbuhan baharu, tetapi juga akan mempertingkat lagi hubungan antarabangsa Malaysia. Justeru itu, kerjasama dan penyelarasan penyeliaan yang lebih rapat di dalam negara serta merentas sempadan menjadi lebih penting bagi menyokong penyeliaan institusi kewangan yang berkesan dan pengurusan kestabilan kewangan secara keseluruhannya. Bagi mencapai agenda ini, Bank telah dan akan terus merangka kerjasama dengan agensi kebangsaan dan negara lain bagi meningkatkan kerjasama dalam bidang penyeliaan perbankan dan pembinaan keupayaan merentas sempadan serta inisiatif lain bagi mencapai integrasi kewangan serantau yang lebih padu.



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor
23 Mac 2011